

Majlis Anugerah

PERKHIDMATAN CEMERLANG



HARUN (tiga kiri) menyampaikan Anugerah Jasamu Dikenang kepada Koperal Nurali Sipin (kanan) sambil diperhatikan tetamu jemputan lain.

UMS sampai APC

kepada 1,801 warganya

UB. 17.5.2014 B4

Oleh SITI AISYAH
NARUDIN

KOTA KINABALU: Seramai 1,801 warga Universiti Malaysia Sabah (UMS) mendapat penghargaan sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2013.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 212 orang menerima APC manakala anugerah lain yang diberikan termasuklah Anugerah Perkhidmatan Terpuji, Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Jasa Bakti dan Anugerah Jasamu Dikenang.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, anugerah yang disampaikan itu adalah sebagai pengiktirafan terhadap kejituhan, kecekapan serta kepantasan tugas yang dijalankan warga UMS.

Katanya, penghargaan itu juga kerana penyampaian kerja yang berkualiti di samping memiliki akhlak yang baik serta budi yang luhur.

Beliau berkata, sikap dan gerak-geri seorang ketua dalam melaksanakan pekerjaan sentiasa menjadi perhatian pekerja.

Justeru jelasnya, jika ketua tidak komited untuk menggalas tanggungjawab kerja, ia akan menghasilkan sikap malas, melengahkan kerja, ponteng, tidak menepati masa dan hasil kerja yang tidak memuaskan.

“Seorang ketua seharusnya menjadi contoh kepada

pekerja terutamanya dalam menerapkan sikap positif seperti rajin, jujur, berdisiplin, serta patuh.

“Sikap positif yang ditunjukkan ketua akan membantu merealisasikan tindakan dan hasil kerja yang baik oleh pekerja yang sentiasa patuh dan menghormati ketua,” katanya ketika berucap merasmikan majlis APC UMS 2013, di sini kelmarin.

Harun berkata, para penerima anugerah seharusnya menjadikan pengiktirafan itu sebagai penanda aras untuk meningkatkan prestasi kerja.

Pada masa sama, beliau mengingatkan kepada mereka yang tidak mendapat anugerah supaya tidak berputus asa dan menjadikannya sebagai cabaran untuk melipatgandakan usaha, kreativiti serta produktiviti.

“Usaha perlu ditingkatkan kerana kecemerlangan tidak diperoleh dengan cara yang mudah. Justeru, saya menggesa agar kakitangan UMS aktif melibatkan diri dalam acara anjuran universiti,” katanya.

Turut hadir, Pendaftar UMS Datuk Abdullah Mohd Said; Timbalan Naib Canselor (TNC) Akademik dan Antarabangsa Prof Dr Shariff Abdul Kadir Shariff Omang; TNC Penyelidikan dan Inovasi Prof Dr Sharil Yusof; dan TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Datuk Dr Kassim Md Msansur.